

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 7 (13)
Tarikh : 31 Oktober 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2018 MENGENAI KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 9 Tahun 2018 mengenai Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

”Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(NURULL SYAMIMI BINTI AHMAD ABZAN)
Eksekutif Kanan,
Unit Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

b.p. : Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2018

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2018 bertarikh 19 Oktober 2018 berhubung kelulusan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017 mengenai Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kaedah kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana diperkenalkan dengan tujuan untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai yang mencapai tahap kecemerlangan prestasi tanpa terikat dengan kekosongan jawatan hakiki.
- 2.2 Pelaksanaan *time-based* Kali Pertama (TBK1) diperkenalkan pada 1 Julai 2009 melalui kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang berada di gred lantikan 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
- 2.3 Seterusnya pada 1 Julai 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 8 Tahun 2013, Kerajaan telah menambah baik kaedah kenaikan pangkat ini berdasarkan kepada prinsip *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan dan tempoh kenaikan pangkat telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun.

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2013 pada 29 November 2013 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 8 Tahun 2013 berkenaan di UMP.

2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) Bil. 1/2018 yang bersidang pada 21 Februari 2018 telah bersetuju menyokong cadangan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 10, Tahun 2017 ini.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 ini, **Pelaksanaan *time-based* Kali Kedua (TBK2)** diperkenalkan supaya kenaikan pangkat *time-based* berasaskan kecemerlangan dipanjangkan kepada pegawai yang berada **13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat** untuk dinaikkan pangkat secara KUP ke **lapisan kedua gred kenaikan pangkat** berdasarkan *time-based* berasaskan kecemerlangan.

3.2 Laluan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi Kumpulan Pelaksana adalah seperti berikut :

Contoh : Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

Gred	Perkhidmatan di Gred	Kenaikan Pangkat TBK
N19 (Gred Lantikan)	13 tahun dan tahap prestasi Baik atau Cemerlang	TBK1 (N19 ke N22)
N22 (Lapisan pertama gred kenaikan pangkat)	13 tahun dan tahap prestasi Baik atau Cemerlang	TBK2 (N22 ke N26)

3.3 Perincian syarat dan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pelaksana di Gred Lantikan (TBK1) dan *time-based* Kali Kedua (TBK2) adalah seperti di Lampiran A.

3.4 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 mengenai Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based*

Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan adalah **dibatalkan**.

3.5 Pelaksanaan dasar kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pelaksana untuk kali pertama (TBK1) dan kedua (TBK2) di UMP berkuat kuasa pada **1 Januari 2018**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 25 Oktober 2018

Edaran kepada :

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-undang

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Syarat dan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pelaksana di Gred Lantikan (TBK1) dan Kali Kedua (TBK2)

Bil	TBK1	TBK2
1.	<p style="text-align: center;">Pegawai Yang Layak</p> <p>1.1 pegawai yang dilantik secara tetap;</p> <p>1.2 berada di gred lantikan dan telah memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan semasa pada atau selepas 1 Julai 2013;</p> <p>1.3 pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang berada di gred kenaikan pangkat yang setara dengan gred lantikan permulaan dalam sesuatu kumpulan kelayakan masuk;</p> <p>1.4 pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Julai 2013 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas;</p> <p>1.5 pegawai yang memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan Baru (SSB)/Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan di bawah SSB/JKK 1976; dan</p> <p>1.6 pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan jumud di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)/SSB/JKK 1976, tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>	<p style="text-align: center;">Pegawai Yang Layak</p> <p>1.1 pegawai yang dilantik secara tetap;</p> <p>1.2 memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat pada atau selepas 1 Januari 2018;</p> <p>1.3 pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang dilantik secara terus ke gred lantikan yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat; dan</p> <p>1.4 pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2018 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas di lapisan pertama gred kenaikan pangkat.</p>
2.	<p style="text-align: center;">Pegawai Tidak Yang Layak</p> <p>2.1 pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan tempoh <i>time-based</i> berbeza; dan</p> <p>2.2 pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013.</p>	<p style="text-align: center;">Pegawai Tidak Yang Layak</p> <p>2.1 pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan tempoh <i>time-based</i> berbeza; dan</p> <p>2.2 pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2018.</p>

Bil	TBK1	TBK2
3.	<p style="text-align: center;">Syarat Kenaikan Pangkat TBK1 dan TBK2</p> <p>3.1 Memenuhi Syarat Umum Kenaikan Pangkat : telah disahkan dalam perkhidmatan; diperaku oleh Ketua Jabatan; mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; bebas daripada sebarang hukuman tatatertib; lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan.</p> <p>3.2 Penilaian Prestasi a) Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini. b) Bagi pegawai yang tidak memenuhi syarat markah LNPT yang ditetapkan, pegawai layak dipertimbangkan semula pada tahun berikutnya berasaskan LNPT terkini.</p> <p>3.3 Penilaian Kecemerlangan a) Diperoleh penilaian kecemerlangan di tahap BAIK atau CEMERLANG. b) Penilaian kecemerlangan adalah mengguna pakai Borang Penilaian <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama/Kali Kedua</i>. c) Penilaian berkenaan perlu dilengkapkan oleh penyelia pegawai yang berada di gred lebih tinggi daripada gred pegawai yang dinilai yang kemudiannya disahkan oleh Ketua Jabatan.</p>	
4.	Syarat Kekompetenan	
		<p>Pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang memperuntukkan syarat kemahiran khas/sijil kemahiran/ujian kemahiran/sijil kecakapan untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi, dikecualikan daripada memenuhi syarat berkenaan. Pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK1 dan TBK2 ini tidak boleh mengisi dan menjalankan tugas serta tidak layak diberi elaun yang memerlukan pegawai memiliki syarat kelayakan/kemahiran berkaitan untuk menjalankan tugas di gred jawatan kenaikan pangkat sehingga memiliki kelayakan/kemahiran seperti diperuntukkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>

Bil	TBK1	TBK2
5.	<p style="text-align: center;">Tempoh Perkhidmatan Yang Diambil Kira</p> <p>5.1 bermula daripada tarikh lantikan tetap dalam skim perkhidmatan semasa;</p> <p>5.2 bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan berikutan keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang sama/setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama), tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan diambil kira;</p> <p>5.3 pegawai yang ditukar lantik tanpa opsyen atas permohonan sendiri ke skim perkhidmatan dan gred yang sama yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan, tempoh perkhidmatan pegawai dalam skim perkhidmatan terdahulu boleh diambil kira;</p> <p>5.4 pegawai yang meletak jawatan dan kemudiannya dilantik ke perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan dalam skim perkhidmatan yang sama dan gred lantikan yang sama, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diambil kira dengan syarat perkhidmatannya tidak terputus;</p> <p>5.5 pegawai yang melepas jawatan dan kemudiannya dilantik ke perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan, skim perkhidmatan dan gred lantikan yang sama, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diambil kira;</p> <p>5.6 pegawai yang ditukar sementara/dipinjamkan ke sesuatu agensi dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan kemudian ditukar tetap ke agensi peminjam di gred lantikan yang sama/setara, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diambil kira; dan</p> <p>5.7 pegawai yang berada di agensi awam yang diasingkan sistem saraannya dan memilih kekal dalam Sistem Saraan Malaysia, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diambil kira.</p>	<p>5.1 Tempoh yang boleh diambil kira bagi pengiraan tempoh perkhidmatan 13 tahun adalah bermula daripada tarikh kenaikan pangkat ke lapisan pertama gred kenaikan pangkat atau tarikh lantikan ke gred lantikan yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan semasa.</p> <p>5.2 tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan atas keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang sama/setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama);</p> <p>5.3 tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum ditukar lantik atas permohonan pegawai ke skim perkhidmatan dan gred yang sama di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan;</p> <p>5.4 tempoh perkhidmatan pegawai di jawatan pertukaran sementara/peminjaman sebelum ditukar tetap ke agensi peminjam di gred yang sama/setara; dan</p> <p>5.5 tempoh perkhidmatan pegawai yang melepas atau meletak jawatan dan dilantik semula ke skim perkhidmatan yang sama dan gred yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat.</p>

Bil	TBK1	TBK2
6.	<p style="text-align: center;">Tempoh Perkhidmatan Yang Tidak Diambil Kira</p> <p>6.1 tempoh percubaan dengan denda, tempoh hilang kekananan di gred semasa akibat daripada dikenakan hukuman tatatertib di gred tersebut, jumlah hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji dan semua jenis cuti yang dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji;</p> <p>6.2 pegawai yang dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) atau Peningkatan Secara Lantikan (PSL), tempoh perkhidmatan sebelumnya tidak diambil kira oleh kerana pegawai telah diberi peningkatan ke suatu gred yang lebih tinggi tarafnya;</p> <p>6.3 pegawai yang memilih opsyen pertukaran pelantikan atas keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan yang lain pada gred lantikan yang lebih tinggi (kumpulan kelayakan masuk lebih tinggi), tempoh perkhidmatan sebelumnya tidak diambil kira kerana pegawai telah pun menikmati kenaikan ke gred yang lebih tinggi.</p>	<p>6.1 tempoh percubaan dengan denda (bagi pegawai yang dilantik terus ke gred lantikan yang setara dengan gred kenaikan pangkat);</p> <p>6.2 jumlah hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah;</p> <p>6.3 tempoh hilang kekananan di gred semasa akibat daripada dikenakan hukuman tatatertib di gred tersebut; dan</p> <p>6.4 semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji dan semua jenis cuti yang dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji.</p>
7.		Penetapan Tarikh Kenaikan Pangkat
	Pegawai yang telah berkhidmat genap 13 tahun pada atau selepas 1 Januari 2018, tarikh kenaikan pangkat ialah sehari selepas genap tempoh 13 tahun.	
8.		Pemakluman Keputusan
	Keputusan sama ada pegawai berjaya atau gagal hendaklah dimaklumkan kepada pegawai yang terlibat dengan urusan kenaikan pangkat <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.	

Bil	TBK1	TBK2
9.	Rayuan	
	Bagi pegawai yang mencapai tahap KURANG MEMUASKAN dalam Borang Penilaian <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama/Kali Kedua Pegawai boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Ketua Jabatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh keputusan disampaikan kepada pegawai.	
10.	Penyeliaan	
	Pegawai yang dinaikkan pangkat secara TBK1 atau TBK2 masih tertakluk kepada penyeliaan pegawai yang mengisi jawatan kenaikan pangkat (hakiki) berdasarkan struktur organisasi.	
11.	Skop Tugas Tambahan	
	Selaras dengan laluan kenaikan pangkat <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan melaksanakan tugas tambahan bersesuaian dengan gred kenaikan pangkat yang diperolehi.	